



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	24/12/2019	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Minda Pengarang

Akta air biar ada 'taring'

Penat sudah mendengar satu demi satu isu masalah bekalan air berlaku. Terbaru, 1.5 juta pengguna di Lembah Klang terjejas apabila Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih ditutup akibat pencemaran bau. Sampai bila isu ini perlu berulang.

Melihatkan rentetan kes berlaku, ramai setuju akta sedia ada seperti kurang 'taring' untuk mengekang pencemaran sumber air negara. Justeru, hukuman lebih tegas dan berat perlu diambil ke atas pelaku. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) harus ditambah baik. Sebarang lompong dan kelemahan yang ada wajib ditampal, agar ruang penjenayah alam sekitar ini beroperasi dapat ditutup terus.

Paling penting, cadangan Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) agar diwujudkan subseksyen baharu di bawah akta itu untuk mewajibkan pembayaran ganti rugi setimpal kepada pengguna terjejas oleh pelaku, harus dipertimbang.

Umum tahu kerugian ditanggung setiap kali bekalan air terganggu cukup besar. Di Lembah Klang sebagai contoh, kesan gangguan menjejaskan bukan sahaja pengguna individu, tetapi syarikat dan industri yang mengendalikan bisnes jutaan ringgit sehari. Dengan nilai besar yang harus dibayar, pasti pelaku tidak berani mengambil risiko. Siapa tahu mungkin ia berkesan mengelak pencemaran sumber air berulang.